

18 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR

PERATURAN PASARAN KEWANGAN AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA G-22

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata para pemimpin Apec telah membuat keputusan bahawa cadangan mengadakan kawalan terhadap pasaran kewangan antarabangsa akan di kemukakan kepada Kumpulan 22 Negara (G-22) untuk dibincangkan.

Menjawab soalan selepas membaca deklarasi di akhir sidang kemuncak pemimpin Apec keenam di sini, beliau berkata:

"Kita semua bersedia untuk mempengaruhi negara-negara lain yang bukan anggota Apec (untuk mengawal pasaran kewangan antarabangsa).

"Kami mengambil keputusan untuk membangkitkan perkara ini pada forum lain seperti G-22," katanya menjawab soalan wartawan Bernama.

--BERNAMA

ES/AD SK WAT